

ANALISIS KUALITI MANGKIN BERGABUNG TINGKAT
REKODATAMA PERKUALIFIKASI PENDUDUK
MUAL TERENGGANU

SITI HIZAM BINTI BAHARU

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

**ANALISIS FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
TINGKAT PENDAPATAN PER-KAPITA
PENDUDUK KUALA TERENGGANU**

**SAIFUZZAIM BIN BAHARUM
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)**

2009

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4998/EKN 4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 22 April 2009



SAIFUZZAIM BIN BAHARUM
UK12921

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4998/EKN 4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Tarikh : 22 April 2009



SAIFUZZAIM BIN BAHARUM
UK12921

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kepujian dan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. di atas rahamat adan limpah kurniaNYA maka dapatlah saya menyempurnakan penyelidikan saya ini. Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan setinggi-tinggi terima kasih kepada kakitangan Pejabat Wisma Darul Iman Terengganu, Pejabat Kerajaan Pusat Terengganu, Pejabat Jabatan Kerja Raya Terengganu dan Pejabat Tenaga Nasional Berhad Negeri Terengganu, Jabatan Kastam Negeri Terengganu dan Pejabat Perikanan Negeri Terengganu diatas kebenaran bagi saya menjalankan aktiviti soal selidik responden yang diperlukan dalam kajian ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang turut sama dalam membantu menjayakan perjalanan projek ini. Tanpa sokongan dan keperihatinan mereka penyelidikan ini tidak akan dapat disempurnakan dengan baik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada individu yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang sangat bermakna kepada saya untuk menjalan dan melengkapkan kertas projek ini dari peringkat mula hinggalah akhir. Individu yang saya maksudkan itu adalah penyelia Kertas Projek ini iaitu Dr. Suriyani Binti Dato Muhamad. Tanpa komitmen beliau membantu saya selama ini kemungkinan saya tidak dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik.

Selain itu, tidak dilupakan juga buat rakan-rakan seperjuang yang banyak membantu serta memberi sokongan dalam menyiapkan analisis ini. Sehubungan dengan itu, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Akhir kata, semoga segala sokongan, bantuan dan kerjasama yang diberikan hanya ALLAH S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Sekian, wassalam.

SAIFUZZAIM BIN BAHARUM

SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis faktor mana yang telah dipilih iaitu umur, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan cukai dikenakan mempunyai hubungan yang kuat dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk. Kebanyakan data yang digunakan dalam kajian ini adalah data primer iaitu hasil daripada soal selidik responden. Selain itu, analisis deskriptif frekuensi, kolerasi dan regrasi digunakan dalam kajian ini untuk menghuraikan data yang diperolehi. Hasil kajian ini, mendapati bahawa semua pembolehubah tidak bersandar yang telah dinyatakan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk kecuali pembolehubah umur sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini juga ada menyatakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

ABSTRACT

This research has been made to analyst factor-factor that influences the level of income per capita in Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. There by, research has analysis which factor should be chosen from independent variable like age, education level, overall income and tax that have strong relationship with income per capita of a person. Data that been use in this research are primary data which the data were collected from a series of questionnaire. Method analyst that been use to get the result are descriptive frequency analysis, correlation and regression. Result from this research show that all independent variable except age has strong relationship with income per capita. In this last chapter of this research, suggestion has been made on how to improve income per capita of citizen in Kuala Terengganu.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 PENDAHULUAN	1-2
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	3-5
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	6-8
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	9
1.3.1 Objektif Umum	9
1.4 PERSOALAN KAJIAN	9
1.5 SKOP KAJIAN	10
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	11-12
1.7 METODOLOGI KAJIAN	13-14
1.7.1 Faktor Mempengaruhi Peningkatan Pendapatan Per-Kapita	14
1.7.2 Hipotesis Kajian	15
1.8 KESIMPULAN	16

BAB 2: ULASAN KARYA

2.0	PENGENALAN	17-19
2.1	FAKTOR MEMPENGARUHI PENDAPATAN PER-KAPITA	
2.1.1	Tahap Pendidikan	20-21
2.1.2	Peringkat Umur	21-22
2.1.3	Cukai Pendapatan	22-23
2.2	KESIMPULAN	24

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	PENGENALAN	25
3.1	METODOLOGI KAJIAN	
3.1.1	Teori Regresi Berbilang	26
3.1.2	Kaedah Regresi Berbilang	27
3.1.3	Bias (<i>Error</i>)	28
3.1.4	Pembentukan Soal Selidik	29
3.1.5	Pesampelan	29
3.1.6	Model Kajian	30
3.1.6.1	Faktor Mempengaruhi Peningkatan Pendapatan Per-Kapita	30
3.1.7	Analisis Kajian	31
3.2	KESIMPULAN	32

BAB 4: ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.0	PENGENALAN	33
4.1	ANALISIS DESKRIPTIF	34
4.2	KAJIAN LATAR BELAKANG RESPONDEN	
4.2.1	Jantina Responden	35
4.2.2	Struktur Umur Penduduk	36-37
4.2.3	Jumlah Pembayaran Cukai Pendapatan Responden	37-38
4.2.4	Tahap Pendidikan Responden	38-39
4.2.5	Jumlah Pendapatan Responden	39-40
4.2.6	Tahap Kesedaran Responden	40-44
4.3	ANALISIS REGRASI	45
4.4	KEPUTUSAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENDAPATAN PER- KAPITA	
4.4.1	Pengujian – t	46
4.4.1.1	Pengujian Pembolehubah Pendidikan	47
4.4.1.2	Pengujian Pembolehubah Pendapatan	48
4.4.1.3	Pengujian Pembolehubah Cukai	49
4.4.1.4	Pengujian Pembolehubah Umur	50
4.4.2	Pengujian – F	51
4.4.2.1	Pengujian Model Keseluruhan	52
4.5	KESIMPULAN	53

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	PENDAHULUAN	54
5.1	RUMUSAN KAJIAN	55-57
5.2	CADANGAN – CADANGAN KE ATAS KAJIAN	
5.2.1	Kepelbagaian Kemahiran Dan Pendidikan	58
5.2.2	Pembangunan IKS Dan Keusahawanan	59-60
5.2.3	Pembangunan Bandar Dan Pusat Pertumbuhan	60
5.3	PENUTUP	61-62

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	HALAMAN
Jadual 4.2.2 :	Struktur Umur Penduduk	36
Jadual 4.2.6.1:	Umur Mempengaruhi Jumlah Pendapatan	40
Jadual 4.2.6.2:	Pendidikan Yang Tinggi Menjamin Pendapatan Yang Baik.	40
Jadual 4.2.6.3:	Golongan Berumur Mempunyai Pendapatan Yang Tinggi.	41
Jadual 4.2.6.4:	Golongan Muda Tidak Mempunyai Pendapatan Yang Tinggi.	41
Jadual 4.2.6.5:	Pendidikan Rendah Mendapat Pendapatan Yang Rendah.	41
Jadual 4.2.6.6:	Bantuan Kerajaan Dapat Meningkatkan Pendapatan Penduduk.	41
Jadual 4.2.6.7:	Semakin Tinggi Pendapatan Maka Semakin Tinggi Taraf Hidup.	42
Jadual 4.2.6.8:	Pengurangan Cukai Pendapatan Meningkatkan Pendapatan Individu.	42
Jadual 4.4 :	Nilai Koefisyen, Signifikan Dan Taburan-T	46
Jadual 4.4.3:	Nilai Darjah Kebebasan, Residual, Pengujian-F Dan Signifikan	51

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	HALAMAN
Rajah 4.2.1	Jantina Responden	35
Rajah 4.2.3	Jumlah Pembayaran Cukai Pendapatan Responden.	37
Rajah 4.2.4	Tahap Pendidikan Responden	38
Rajah 4.2.5	Jumlah Pendapatan Responden	39
Rajah 4.4.1.1	Keputusan Pengujian-t Bagi Pembolehubah Pendidikan.	47
Rajah 4.4.1.2	Keputusan Pengujian-t Bagi Pembolehubah Pendapatan.	48
Rajah 4.4.1.3	Keputusan Pengujian-t Bagi Pembolehubah Cukai.	49
Rajah 4.4.1.4	Keputusan Pengujian-t Bagi Pembolehubah Umur.	50
Rajah 4.4.2.1	Keputusan Pengujian-F Bagi Keseluruhan Pembolehubah.	52

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

Pendapatan per-kapita merupakan jumlah pendapatan purata penduduk di sesuatu kawasan tertentu misalnya negeri atau negara. Pendapatan per-kapita juga boleh digunakan untuk mendapatkan KNK Per-Kapita sesebuah negara, kerana untuk mendapatkan KNK Per-Kapita elemen pendapatan persendirian seseorang individu akan diambil kira. Selain dari itu, pendapatan per-kapita digunakan untuk mengukur taraf hidup dan kebajikan penduduk di sesebuah kawasan. Semakin tinggi pendapatan per-kapita maka semakin tinggi taraf hidup yang dinikmati oleh penduduk kawasan tersebut. Kemajuan sesebuah negara turut menggunakan pendapatan per-kapita sebagai kayu pengukur untuk melihat sejauh mana kemajuan yang di kecapai oleh sesebuah negara berbanding negara lain. Hal ini kerana, jika pendapatan purata penduduk sesebuah negara itu tinggi. Perbelanjaan yang dapat dilakukan oleh penduduk adalah tinggi dan keadaan ini mendorong kepada kerancakan pengeluaran oleh pengeluar selain memperbesar atau menambahkan jumlah pengeluarannya. Rentetan dari semua itu, akan wujud peluang pekerjaan yang semakin bertambah untuk mengisi pertambahan pengeluaran oleh firma tadi.

Sehubungan dengan itu, pelaburan juga akan meningkat di mana selain daripada berbelanja pengguna juga akan menabung. Semakin tinggi tabungan yang dibuat oleh penduduk maka pelaburan juga akan meningkat. Apabila tingkat pelaburan tinggi, suasana ini akan mendorong dua pihak yang berperanan besar dalam mencorakkan ekonomi sesebuah negara iaitu pihak kerajaan dan swasta. Bagi pihak swasta, mereka akan menggunakan pelaburan yang ada tadi dalam bentuk pinjaman di bank-bank untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka. Manakala pihak kerajaan pula, akan menggunakan pelaburan tadi untuk menampung defisit yang dihadapi untuk melaksanakan pembangunan sesebuah negara demi kebaikan dan kepentingan rakyat keseluruhannya.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa, semua senario yang telah dinyatakan tadi berpunca dan bermula daripada tingkat pendapatan per-kapita penduduk. Semakin tinggi pendapatan per-kapita penduduk sesebuah negara, negara tersebut boleh dianggap sebagai negara yang mempunyai tahap kebajikan yang tinggi. Oleh itu dalam kajian ini antara sebab utama dijalankan adalah untuk, menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk yang akan dijalankan di negeri Terengganu. Di antara, faktor yang boleh mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk negeri tersebut ialah tahap pendidikan individu, tingkat populasi, peringkat umur penduduk, dan jenis pekerjaan penduduk negeri tersebut.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Negeri Terengganu mencatat jumlah pendapatan per-kapita yang semakin meningkat setiap tahun, keadaan ini dapat dibuktikan dengan statistik pada tahun 2006 mencatatkan sebanyak RM 20,841 dan meningkat kepada RM 22,345 pada tahun 2007 (Laporan Bajet Terengganu 2008). Hal ini menunjukkan kebajikan dan taraf hidup rakyat negeri Terengganu yang semakin meningkat. Terdapat banyak faktor yang mendorong peningkatan jumlah pendapatan per-kapita negeri ini yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya nanti.

Kajian yang dijalankan ini akan memfokus kepada satu kawasan iaitu kawasan Kuala Terengganu yang merupakan ibu negeri bagi negeri Terengganu Darul Iman. Pemilihan kawasan Kuala Terengganu sebagai lokasi kajian adalah kerana, lokasi ini semakin pesat membangun dari segi pembangunan ekonomi dan sosial dari tahun ke tahun. Misalnya, pengistiharan Bandar Kuala Terengganu kepada Bandaraya pada 1 Januari 2008 yang lalu telah memungkinkan peningkatan dalam infrastruktur dari segi ekonomi dan sosial yang akan dinikmati oleh penduduk Kuala Terengganu.

Sehubungan dengan itu juga, dalam kajian ini elemen pendapatan per-kapita merupakan alat utama dalam teori ekonomi untuk melihat kebajikan dan taraf hidup sesuatu kawasan atau negara seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Jumlah penduduk diperlukan untuk menganalisis jumlah pendapatan per-kapita yang akan diperolehi nanti. Hal ini kerana, jumlah pendapatan yang diperolehi setiap penduduk akan ditambah dan seterusnya di bahagikan dengan jumlah penduduk yang ada dikawasan tersebut.

Negeri Terengganu Darul Iman terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan melintang 4 hingga 5.50. Di bahagian utara dan barat lautnya bersempadan dengan negeri Kelantan manakala bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Keluasan negeri ini, kira-kira 1,295,638.3 hektar / 1.295,512.1 hektar manakala jaluran pantainya menganjur sejauh 225 kilometer dari utara Besut ke selatan Kemaman Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Terengganu). Selain itu, jumlah penduduk yang terdapat di Kuala Terengganu adalah seramai 361, 810 orang.

Pemilihan negeri Terengganu sebagai kawasan kajian bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang terhadap tingkat pendapatan per-kapita negeri amatlah tepat pada waktunya. Hal ini kerana, negeri Terengganu sekarang semakin pesat membangun menuju ke arah menuju negeri maju pada tahun 2020. Maka peningkatan dari segi pendapatan per-kapita setiap penduduk negeri ini akan memperlihatkan perubahan dari tahun ke tahun selepas berlaku peralihan kuasa pemerintahan pada tahun 2004 hingga sekarang 2008. Pelbagai dasar dan rancangan telah dirangka dan di rencana untuk mengembangkan ekonomi negeri untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Misalnya dalam Laporan Bajet Terengganu 2008, sebanyak RM 136.6 juta di peruntukan kepada bidang pendidikan.

Selain dari itu, untuk meningkatkan tahap kecekapan pengangkutan awam di seluruh negeri ini. Pengusaha teksi dan kereta sewa akan diberikan bantuan melalui penjenamaan semula dan sebanyak RM 14 juta telah diperuntukkan untuk menyiapkan terminal pengangkutan awam di Kuala Berang dan premis perniagaan dan Perhentian Bas dan teksi di Permaisuri. Peruntukan ini selaras untuk meningkatkan imej negeri menjelang beberapa festival antaranya Monsoon Cup, Tahun Melawat Terengganu TMT dan Sukma 2008. Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan lagi rakyat negeri Terengganu menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan persendirian dan taraf hidup mereka. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 23.47 juta bagi penyediaan ruang-ruang perniagaan dan membina Pusat Usahawan Terengganu.

Semua inisiatif yang telah dibincangkan di atas, secara langsung boleh menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita penduduk negeri. Banyak peluang dan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dari masa ke masa. Oleh itu, di dalam metodologi kajian ini telah dimasukkan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk negeri Terengganu. Antaranya tingkat pendapatan penduduk, peringkat umur, tahap pendidikan serta jumlah cukai pendapatan yang dikenakan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Umum mengetahui dengan kenaikan harga bahan bakar baru-baru ini, telah memberi kesan yang mendalam kepada semua unit ekonomi di dalam sesebuah negara. Isirumah atau pengguna, menanggung beban perbelanjaan yang semakin meningkat dan lebih perit lagi bagi golongan pengguna yang berpendapatan rendah serta miskin akan lebih merasai bahang kenaikan harga barang yang tinggi. Manakala kerajaan pula, terpaksa mengurangkan kadar subsidi kepada bahan api akibat daripada kenaikan harga bahan api global dan menggunakan wang subsidi tersebut untuk tujuan lain seperti pembangunan negara. Sektor swasta juga tidak, ketinggalan daripada kesan kenaikan bahan bakar di mana segala pengeluaran yang dikeluarkan tidak memberi keuntungan kerana kos lebih tinggi daripada hasil dan mereka terpaksa menstrukturkan semula daya pengeluaran barangan.

Oleh itu, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengurangkan beban yang tanggung oleh rakyat akibat daripada masalah kenaikan bahan api sekarang ini. Antaranya, kerajaan memberi rebet tunai terus kepada rakyat sebagai wang subsidi kenaikan bahan api, disepadukan sistem pengangkutan awam, memberi beberapa insentif kepada penjawat awam dan mengamalkan perbelanjaan berhemah serta memberi subsidi diesel kepada kenderaan awam dan nelayan.

Sebelum itu, dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup sosial rakyat Malaysia seperti Koridor Ekonomi Utara (NCER), Koridor Ekonomi Timur (ECER), Wilayah Iskandar (WIR), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE) dilihat sebagai satu gelombang baharu dalam sejarah ekonomi Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020. Baru-baru ini, berdasarkan keputusan pilihan raya umum ke-12, telah banyak mengubah senario politik Malaysia di mana kuasa politik lebih memihak kepada pihak berhaluan kiri dan keadaan ini akan mempengaruhi hala tuju negara pada masa hadapan. Namun begitu, negeri Terengganu masih di bawah pemerintahan pihak berhaluan kanan yang menyokong kerajaan sedia ada.

Lebih terperinci lagi, dalam kajian ini faktor pendidikan diambil sebagai pemboleh ubah tidak bersandar untuk mengkaji sejauh mana dapat mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk terutamanya di sekitar Kuala Terengganu. Misalnya kerajaan negeri telah membelanjakan atau memperuntukkan sebahagian besar duit royalti minyak sebanyak RM 50 juta untuk memperkasakan bidang pendidikan di mana wang tersebut disalurkan melalui Yayasan Terengganu bagi menaja pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negeri (Dato' Ahmad Said 2008).

Jumlah penduduk Kuala Terengganu yang mempunyai populasi seramai 361,810 orang (Jabatan Pendaftaran Negeri 2008) juga dimasukkan sebagai faktor untuk mengkaji penyumbang kepada pendapatan per-kapita. Hal ini kerana, untuk mengira pendapatan per-kapita elemen ini akan digunakan di mana jumlah pendapatan yang diperoleh oleh sesebuah negeri akan dibahagikan dengan jumlah penduduk di negeri tersebut. Mengikut teori ekonomi, semakin ramai jumlah penduduk kawasan maka semakin tinggi jumlah pendapatan per-kapita yang akan diperoleh.

Di dalam program pembangunan koridor Timur (NCER), kerajaan telah memberi kepercayaan kepada Syarikat Petronas dan anak syarikatnya untuk mencorakkan segala pembangunan yang ingin dicapai di setiap negeri pantai timur. Fasa pertama yang melibatkan kos sebanyak RM 6 bilion dan kos yang sebenar ialah sebanyak RM 112 bilion yang dilaksanakan selama 12 tahun oleh Petronas. Misalnya, Kuala Terengganu akan dijadikan sebagai hab aktiviti pinggir pantai, terminal pelayaran, marina, pasaran kraf tangan, pusat membeli belah taman dan beberapa taman tema di dalam program pembangunan ini.

Semua peristiwa yang telah dinyatakan di atas, secara tidak langsung dapat memberi kesan kepada taraf hidup dan kebajikan rakyat sesebuah negeri. Berdasarkan kajian ini, untuk menganalisis taraf hidup dan kebajikan rakyat sesebuah negeri kita menggunakan pendapatan per-kapita sebagai alat pengukurannya. Permasalahan utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti, faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan per-kapita akibat daripada perubahan struktur ekonomi dan politik semasa sesebuah negeri atau kawasan dan kawasan yang telah dipilih ialah kawasan Bandaraya Kuala Terengganu.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif Umum : Menganalisis faktor mempengaruhi pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah struktur peringkat umur masyarakat yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu?
- ii. Sejauh manakah tahap pendidikan mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk?
- iii. Bagaimanakah jumlah pendapatan kasar penduduk dapat memberi kesan terhadap tingkat pendapatan per-kapita?
- iv. Apakah polisi kerajaan mengenakan cukai pendapatan memberi kesan kepada tingkat pendapatan per-kapita?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini lebih menjurus kepada menganalisis faktor yang menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita di negeri Terengganu Darul Iman. Jumlah pendapatan per-kapita negeri ini pada tahun 2007 ialah mencatat sebanyak RM 22,345 manakala pada tahun sebelumnya sebanyak RM 20,841 (Ucapan Bajet Terengganu Darul Iman 2008). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah model regresi berbilang di mana terdapat empat pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jenis pekerja, populasi penduduk, tahap pendidikan dan kemahiran manakala pemboleh ubah bersandar ialah pendapatan per-kapita.

Jumlah sampel dalam kajian ini ialah sebanyak 100 orang penduduk di mana terdiri daripada golongan yang sudah bekerja. Hal ini kerana, setiap individu yang sudah bekerja mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi tahap pendidikan, kemahiran dan jenis pekerjaan yang mereka ceburi. Oleh itu, setiap perbezaan yang wujud ini akan memberi kesan terhadap tingkat pendapatan per-kapita negeri Terengganu.

Selain dari itu, lokasi yang dipilih ialah di sekitar ibu negeri Terengganu iaitu Kuala Terengganu. Negeri Terengganu mempunyai kepadatan penduduk pada tahun 2007 ialah sebanyak 83.0 setiap KM Persegi (Jadual Pendapatan Dan Taraf Hidup Terengganu 2008). Kebanyakan penduduk negeri ini bekerja sebagai nelayan, perniagaan dan pertanian serta penternakan.

Dari segi perbelanjaan pula, kos yang terlibat dalam menjalankan kajian ini adalah sebanyak RM 400.00 sahaja. Semua kos ini termasuk alatan menulis, kertas, makanan, kos pengangkutan, upah kepada pembanci dan kos untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau data. Bilangan pembanci yang terlibat adalah seramai 5 orang. Tempoh jangka masa kajian ini dianggarkan selama 2 bulan iaitu menyiapkan laporan sepenuhnya.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Pendapatan per-kapita merupakan satu alat untuk mengukur tingkat kemajuan dan taraf hidup penduduk di sesuatu kawasan dan dalam kajian ini negeri Terengganu dipilih menjadi kawasan kajian. Pertambahan populasi penduduk dan disokong dengan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan serta peralihan kuasa politik negeri Terengganu pada tahun 2004 hingga kini banyak memberi kesan yang positif terhadap taraf hidup dan sosial ekonomi rakyat negeri Terengganu.

Terdapat banyak faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita kawasan Bandaraya Kuala Terengganu, tetapi dalam kajian ini hanya faktor atau pemboleh ubah tak bersandar iaitu tahap pendidikan, tingkat umur, jumlah pendapatan dan cukai pendapatan yang dikenakan kepada penduduk kawasan ini. Oleh itu, antara kepentingan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti faktor mana yang memberi sumbangan paling besar kepada pendapatan per-kapita. Seterusnya, setelah mengenal pasti faktor tersebut maka tindakan oleh badan yang bertanggungjawab untuk mengembangkan faktor tersebut supaya dapat terus memberi sumbangan kepada pendapatan per-kapita negeri ini pada masa hadapan.

Kerajaan terutamanya, dapat mengkaji dan menstrukturkan semula dasar dan program yang telah dilaksanakan kepada rakyat supaya dapat memberi kesan secara optimum kemudahan dan peluang yang sepatutnya mereka perolehi. Dasar dan program yang hendak dilaksanakan itu mestilah sesuai dengan keadaan semasa supaya setiap wang yang diperuntukkan tidak berlaku pembaziran disebabkan program tersebut tidak memberi kesan secara holistik kepada rakyat dan ekonomi negeri. Hal ini kerana dengan kenaikan harga bahan api sekarang memerlukan perbelanjaan yang berhemah dengan mengutamakan projek dan dasar yang memberi keuntungan dan kebajikan yang besar kepada rakyat dan kerajaan.

Manakala bagi rakyat pula, kajian ini dapat membuka minda dan sebagai informasi untuk memajukan diri dengan menceburkan diri di mana-mana sektor ekonomi yang dapat memberi pulangan kepada mereka. Program keusahawanan yang dianjurkan misalnya, rakyat perlulah merebut peluang ini untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai bidang keusahawanan dengan menyertai program tersebut. Kemudahan seperti pinjaman dan tempat untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang disediakan sama ada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri, mestilah digunakan secara maksimum dengan pelbagai perniagaan dapat dicorakkan.

Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung dapat memberi maklumat kepada kerajaan negeri untuk mencorakkan dasar dan program yang hendak dilaksanakan pada masa akan datang mengikut kehendak semasa supaya setiap dasar dan program itu dapat memaksimumkan tingkat pendapatan per-kapita penduduk rakyat negeri Terengganu. Manakala rakyat pula mendapat manfaat yang besar daripada dasar yang dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup mereka dari semasa ke semasa.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan, untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan per-kapita bagi penduduk di Kuala Terengganu. Kaedah regresi berbilang digunakan, di mana pemboleh ubah bersandar ialah pendapatan per kapita manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah terdiri daripada peringkat umur, tahap pendidikan, tingkat pendapatan penduduk dan jumlah cukai pendapatan penduduk yang dikenakan.

Pemboleh ubah tidak bersandar yang pertama, iaitu tahap umur penduduk yang dapat mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita di mana peringkat umur antara 25-40 tahun dipilih dalam kajian ini. Manakala bagi pemboleh ubah yang kedua pula iaitu, berkenaan dengan tahap pendidikan yang diterima oleh penduduk negeri dipecahkan kepada Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peringkat Diploma/Sijil dan peringkat Ijazah. Pemboleh ubah ketiga pula, merupakan jumlah pendapatan kasar yang diperolehi penduduk dalam tempoh masa sebulan. Seterusnya pemboleh ubah tidak bersandar yang terakhir, iaitu kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada setiap penduduk.

Kaedah ini dapat memudahkan kita untuk mengkaji secara terus hubungan di antara semua pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar iaitu dengan menggunakan 'ujian-F'. Sebaliknya, jika hendak mengkaji satu per satu hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar 'ujian- t' akan digunakan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, saya akan menggunakan 'ujian-F' untuk melihat hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar tadi.

Kebanyakan data yang akan digunakan di dalam kajian ini, ialah data jenis primer di mana data ini merupakan data pertama sekali digunakan tanpa mengambil mana-mana data yang sudah sedia ada. Data jenis ini diperolehi setelah melalui beberapa proses, seperti soal selidik secara terus kepada responden dan setelah diuji dengan beberapa kaedah untuk menghasilkan data tersebut. Antara contoh data ini adalah, apakah tahap umur yang dikehendaki, peringkat pendidikan yang diterima oleh penduduk, jumlah pendapatan yang diterima sebulan dan kadar cukai yang dikenakan.

Oleh itu, dengan menggunakan analisis keratan-rentas dan siri masa bagi mengkaji hubungan antara pendapatan per-kapita dan faktor-faktor yang mempengaruhinya model seperti di bawah dapat dibentuk :

1.7.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi mempengaruhi pendapatan per-kapita :

$$\text{Pendapatan per-kapita} = \beta_0 + \beta_2 \text{Umur} + \beta_3 \text{Pendidikan} + \beta_4 \text{Pendapatan} + \beta_5 \text{Cukai} + \varepsilon$$

- i. Umur : Peringkat umur rakyat Kuala Terengganu.
- ii. Pendidikan : Tahap pendidikan yang diterima oleh penduduk sama ada peringkat tinggi dan rendah.
- iii. Pendapatan : Jumlah pendapatan bulanan penduduk Kuala Terengganu.
- iv. Cukai : Klasifikasi kadar cukai pendapatan individu yang dikenakan oleh kerajaan negeri.

1.7.2 Hipotesis Kajian

a) Umur : Peringkat umur rakyat negeri Terengganu

H_0 : Peringkat umur penduduk tidak mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

H_1 : Peringkat umur penduduk mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita. Polisi

b) Pendidikan : Tahap pendidikan yang diterima oleh penduduk sama ada di peringkat tinggi dan rendah.

H_0 : Tahap pendidikan penduduk tidak mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

H_1 : Tahap pendidikan penduduk mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

c) Pendapatan : Jumlah pendapatan kasar bulanan penduduk Kuala Terengganu.

H_0 : Jumlah pendapatan kasar tidak mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

H_1 : Jumlah pendapatan kasar mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

d) Cukai : Klasifikasi kadar cukai individu dikenakan oleh kerajaan.

H_0 : Kadar cukai persendirian tidak mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

H_1 : Kadar cukai persendirian mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita.

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dalam bab pertama ini hanya membincangkan secara umum tentang apakah itu pendapatan per-kapita dan cara untuk memperolehinya yang telah diterangkan di bahagian pendahuluan. Kemudian membincangkan dimana kawasan yang akan dipilih sebagai kawasan kajian telah dibincangkan di bahagian latar belakang kajian.

Selain daripada itu, pada bahagian permasalahan kajian banyak membincangkan sebab-sebab yang memungkinkan berlakunya peningkatan dalam pendapatan per-kapita penduduk. Seterusnya, bab pertama ini juga menyentuh tentang objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan. Sehubungan dengan itu, bahagian metodologi kajian juga dibincangkan dalam bab ini tetapi tidak dihuraikan secara mendalam dimana bahagian ini akan dibincangkan secara mendalam dalam bab yang seterusnya nanti.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 PENGENALAN

Bahagian bab ke-2 ini, memerlukan penggabungan pemboleh ubah yang diguna pakai oleh pelajar untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita dengan angkubah yang digunakan oleh penyelidik lain sebelum ini. Penggabungan ini bukan hanya menggalakkan pelajar mengambil idea penyelidik lain malah menjana kreativiti pelajar untuk menggunakan kaedah atau pemboleh ubah yang lain.

Kuala Terengganu merupakan ibu negeri Terengganu Darul Iman kini semakin pesat membangun dari tahun ke tahun. Terbaru bandar ini telah dinaiktarafkan dari bandar kepada status bandaraya pada 1 Januari 2008 dan seterusnya Kuala Terengganu juga telah diberi pengiktirafan sebagai Majlis Bandaraya Kuala Terengganu serta diberi jolokan dengan nama Bandaraya Warisan Pesisir Air (Portal Majlis Bandaraya Kuala Terengganu 2008). Terdapat banyak kemudahan yang telah tersedia untuk kesejahteraan masyarakat Kuala Terengganu untuk dinikmati. Oleh itu, dalam kajian ini untuk mengkaji taraf hidup dan kemajuan yang telah dicapai oleh penduduk Kuala Terengganu iaitu dengan menggunakan pendapatan per-kapita sebagai alat pengukurannya. Antara pembolehubah tidak bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah, peringkat umur, tahap pendidikan, jumlah pendapatan bulanan penduduk dan kadar cukai pendapatan yang dikenakan.

Bagi pembolehubah tidak bersandar yang pertama iaitu peringkat umur penduduk di Kuala Terengganu, dalam kajian ini umur penduduk tidak di susun mengikut yang rendah kepada yang tinggi dan sebaliknya. Hal ini kerana, dalam borang soal selidik nanti umur akan ditanya secara terbuka kepada responden. Pembolehubah tidak bersandar ini digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji samada tingkat umur mempengaruhi atau tidak terhadap jumlah pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Secara umumnya didapati, peringkat umur adalah mempengaruhi jumlah pendapatan seseorang itu. Misalnya, golongan yang berumur antara 45 tahun keatas mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada golongan yang berumur antara 25 hingga 40 tahun. Oleh yang demikian, pembolehubah ini dikaji untuk melihat hubungannya dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Sementara itu, kerajaan negeri Terengganu telah membelanjakan sejumlah pendapatan yang tinggi untuk memantap dan meningkatkan tahap pendidikan di negeri ini. Kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM 136.6 juta dalam sektor pendidikan pada tahun 2008 (Bajet Terengganu Darul Iman 2008) dan sektor ini sentiasa mendapat peruntukkan yang tinggi berbanding sektor lain pada tahun sebelumnya. Peruntukkan sebanyak itu diluluskan untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berilmu supaya dapat menyumbang kepada negeri dari segi tenaga fizikal dan pengetahuan mereka kelak. Pendidikan menjamin masa depan yang cerah kerana akan mendapat pekerjaan yang baik dan pekerjaan yang baik akan menjanjikan pendapatan yang lumayan. Oleh itu, dalam kajian ini pendidikan digunakan sebagai pembolehubah tidak bersandar untuk mengkaji kaitannya dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu iaitu sama ada semakin tinggi tahap pendidikan yang diterima maka semakin tinggi pendapatan per-kapita yang diperolehi dan sebaliknya.

Pembolehubah tidak bersandar yang ketiga iaitu jumlah pendapatan yang diterima penduduk setiap sebulan. Jumlah pendapatan merupakan elemen terpenting dalam kajian ini untuk melihat hubungannya dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Secara teori dan pendapat dikalangan ahli-ahli ekonomi, menyatakan bahawa semakin tinggi pendapatan yang diterima oleh seseorang individu, maka semakin tinggi taraf hidup atau pendapatan per-kapita yang dinikmatinya. Pendapatan yang tinggi dapat mendorong pengguna untuk berbelanja dengan lebih aktif lagi dan seterusnya keadaan ini dapat membantu meningkatkan tahap kebajikan penduduk kepada yang lebih baik lagi.

Manakala bagi pembolehubah yang terakhir iaitu jumlah cukai pendapatan yang dikenakan kepada setiap penduduk di Kuala Terengganu. Pembolehubah ini juga penting dalam kajian ini, dimana setiap penduduk yang berpendapatan samada berkerja di sektor awam atau swasta diwajibkan membayar cukai pendapatan setiap tahun mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Secara umumnya jumlah bayaran cukai pendapatan ini dapat mempengaruhi tingkat pendapatan seseorang itu dimana semakin tinggi jumlah cukai dikenakan maka semakin rendah jumlah pendapatan yang akan diterima oleh seseorang itu. Oleh itu, pembolehubah tidak bersandar ini dikaji untuk melihat sejauh mana kesannya terhadap tingkat pendapatan per-kapita samada meningkat atau menurun.

2.1 Faktor Mempengaruhi Pendapatan Per-Kapita Penduduk Kuala Terengganu

2.1.1 Tahap Pendidikan

Pelbagai dasar dan rancangan telah dirangka dan di rencana untuk mengembangkan ekonomi negeri untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Misalnya dalam Laporan Bajet Terengganu 2008, sebanyak RM 136.6 juta di peruntukan kepada bidang pendidikan. Selain itu, terdapat juga peruntukan khusus untuk bantuan pelajar seperti Bantuan Pelajar Sekolah Elit dan Premier (RM 4.9 juta), Bantuan Memasuki IPT (RM 7 juta), Bantuan Pakaian dan Peralatan Sekolah (RM 6.0 juta) (Laporan Bajet Terengganu 2008). Kajian ini memerlukan tahap pendidikan individu atau masyarakat sesuatu tempat untuk mengkaji secara terus kepada tingkat pendapatan per kapita penduduk. Faktor pendidikan ini bertepatan dengan faktor yang diguna pakai oleh Eliot A. Jamison, Deab T. Jamison dan Eric A. Hanushek (2007) dalam kajian mereka, untuk mengkaji kesan jumlah purata golongan dewasa yang berpendidikan ke atas tingkat purata pendapatan per-kapita GDP dalam negara. Dalam kajian mereka, mereka menggunakan mekanisme kualiti pendidikan sebagai alat untuk memperbaiki tingkat pendapatan per-kapita sesebuah negara dan menunjukkan bahawa kesan kualiti pendidikan ini telah menyebabkan ekonomi bertambah terbuka.

Dalam kajian ini, mereka menggunakan sebanyak 62 negara dan dalam jangka masa 10 tahun dari tahun 1960 hingga 2000. Mereka juga membentuk model pendapatan, bagi set data yang menggunakan “meta-production function” iaitu fungsi meta – pengeluaran. Indikator kualiti pendidikan ini diperoleh melalui dua cara iaitu, Mathematics Test Scores (EQTEST) dan US LABOR (EQBT). EQTEST merupakan, cara pengukuran kualiti pendidikan secara terus di mana bilangan atau jumlah pembelajaran selepas diberi jumlah tahun persekolahan. Manakala EQBT pula, tertumpu kepada pendidikan yang ada pada pendatang asing ke negara Amerika Syarikat yang mana kurang secara terus kepada pengukuran kualiti pendidikan yang ada pada

pendatang asing tersebut. Hasil dalam kajian mereka menunjukkan bahawa, kebanyakan negara mempunyai spesifik koefisien kepada pemboleh ubah pendidikan.

Manakala bagi situasi di Kuala Terengganu pula, tahap pendidikan ini akan dipecahkan kepada tahap rendah dan tinggi. Tahap pendidikan rendah dapat diklasifikasikan antara Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Kemahiran dan Diploma. Sementara tahap pendidikan tinggi pula, terbahagi kepada peringkat Ijazah dan PHD. Tujuan sebenar tahap pendidikan ini dipecahkan sedemikian adalah kerana, untuk mengkaji tahap pendidikan mana yang lebih banyak menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita Kuala Terengganu.

2.1.2 Peringkat Umur

Sang-Hyop Lee dan Andrew Mason (2007), mereka membuat kajian terhadap faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita. Dalam kajian ini, mereka menyatakan perubahan dalam populasi struktur umur akan mempengaruhi jumlah pendapatan seseorang tetapi hanya sedikit yang tahu mengenai perubahan ketidaksamaan melalui populasi atau kumpulan umur dan kelahiran yang khusus. Jawapan kepada persoalan ini ialah, potensi kesan yang penting kepada ketidaksamaan pelaburan modal insan dan keputusan kesuburan dibuat. Mereka menggunakan model yang baharu iaitu 'Pemindahan Integrasi' untuk membezakan antara kesan perubahan dalam struktur populasi dan kesan perubahan dalam struktur keluarga.

Menggunakan data spesifik-umur daripada pendapatan tahunan dan banciaan perbelanjaan di negara Taiwan pada antara tahun 1978 dan 1998, menunjukkan perubahan dalam struktur umur memberi kesan yang menggalakkan terhadap pertumbuhan pendapatan Taiwan. Mereka juga menyatakan, keuntungan adalah tidak sama dengan semua peringkat umur. Walau bagaimanapun, kanak-kanak dan remaja mempunyai faedah yang besar, sementara yang berumur ke belakang sedikit. Populasi

dan struktur umur mempunyai kesan tidak bersandar terhadap pendapatan per-kapita dan kesan struktur populasi umur adalah yang paling penting.

Kes bagi di Kuala Terengganu pula, kajian ini menggunakan tingkat umur tertentu iaitu antara 25 hingga 55 tahun untuk menganalisis tingkat umur mana yang lebih tinggi sumbangannya terhadap pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Namun secara umumnya, kita dapat mengetahui bahawa peringkat umur antara 25 hingga 40 tahun akan lebih banyak menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita di Kuala Terengganu. Hal ini kerana, pada peringkat umur ini banyakkannya adalah golongan muda atau remaja. Mereka mempunyai kemampuan untuk berkerja lebih masa dan cekap berbanding golongan yang sudah berumur. Oleh itu, dari sudut pandangan kasar keadaan ini golongan muda atau remaja yang banyak menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita. Namun itu semua hanyalah pandangan secara kasar sahaja dan bukti secara imperikal masti dijalankan untuk mengetahui samada benar atau tidak pandangan itu.

2.1.3 Cukai Pendapatan

Setiap warganegara bertanggungjawab menjelaskan cukai ke atas pendapatan yang diperolehinya di dalam atau luar Malaysia. Sumber pendapatan yang boleh dikenakan cukai pendapatan termasuklah pendapatan dan keuntungan daripada perdagangan, profesion dan perniagaan, gaji, ganjaran, pendapatan, dan keuntungan berasaskan gaji, dividen, faedah atau diskaun, sewa, royalti atau premium, pencen, anuiti atau bayaran berkala yang lain dan perolehan atau keuntungan yang berbentuk pendapatan yang tidak dinyatakan di atas. Pendapatan bercukai diperolehi setelah dikira segala kos dan perbelanjaan yang terlibat secara menyeluruh atau eksklusif dalam usaha untuk menghasilkan pendapatan berkenaan.

Kadar cukai bergantung kepada status penduduk individu berkenaan yang ditentukan oleh jangka masa beliau tinggal di dalam negara ini (seperti yang dinyatakan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, di bawah Seksyen 7). Individu bermastautin dikenakan cukai ke atas pendapatan bercukainya pada kadar bersengat daripada 2% hingga 30% selepas ditolak pelepasan cukai. Walau bagaimana pun, bagi individu dengan pendapatan bercukai kurang daripada RM2,500 dicukai pada kadar sifar. Pendapatan bercukai seseorang individu bermastautin diperolehi dengan memotong jumlah pendapatan beliau dengan jumlah pelepasan individu. Tanggungan cukai individu bermastautin dikurangkan dengan rebat. Hal-hal berkaitan cukai pendapatan di Malaysia adalah di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia.

Kadar cukai yang ditetapkan oleh kerajaan boleh mempengaruhi tingkat pendapatan individu. Semakin tinggi cukai dikenakan maka, semakin rendah pendapatan sebenar yang diperolehi individu tersebut. Keadaan ini juga secara langsung, memberi kesan terhadap tingkat pendapatan per-kapita penduduk dimana pendapatan persendirian individu telah berkurangan akibat dikenakan kadar cukai yang tinggi oleh kerajaan. Namun begitu, cukai pendapatan seluruh negara akan diturunkan sebanyak satu peratus dari 28 peratus kepada 27 peratus pada 2009 kelak (Bernama 29 Ogos 2008). Situasi ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi corak pendapatan per-kapita penduduk seluruh negara amnya dan penduduk di Kuala Terengganu khususnya.

Pendapatan per-kapita merupakan pendapatan purata penduduk disesuatu kawasan iaitu dengan menjumlahkan semua pendapatan sebenar atau pendapatan bolehguna (pendapatan persendirian ditolak dengan cukai pendapatan individu) penduduk kawasan tersebut dan dibahagikan dengan jumlah penduduk di kawasan tersebut. Oleh itu dalam kajian ini, pemboleh ubah polisi kerajaan yang mengenakan cukai pendapatan akan digunakan untuk mengkaji hubungannya dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu.

2.2 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat disimpulkan pada bahagian bab ke-2 ini adalah semua pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini haruslah pernah ataupun ada digunakan oleh mana-mana penyelidik sebelum ini untuk kajian mereka. Hal ini kerana, sedikit sebanyak dapat membantu dan membandingkan hasil kajian yang akan diperolehi dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik sebelum ini. Kajian ini memperuntukkan sebanyak empat ulasan karya daripada penyelidik-peyelidik sebelum ini yang mengkaji tentang pendapatan per-kapita. Oleh itu, ulasan karya ini penting sebagai rujukan kepada pengkaji untuk menjalankan proses kajian yang ingin dijalankan.

BAB 3

METODOLOGI KAJAN

3.0 PENGENALAN

Bahagian bab yang ketiga ini akan membincangkan tentang metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Dalam metodologi kajian ini, banyak membincangkan kaedah yang akan digunakan untuk menganalisis pembolehubah – pembolehubah yang telah dipilih. Selain daripada itu, bahagian ini juga membincangkan kesan jikamenggunakan sesuatu kaedah pengukuran dalam ekonomi. Bahagian ini juga memberi gambaran jelas mengenai pembentukan soal selidik, pesamplean yang digunakan, model kajian dan analisis kajian yang akan dibuat setelah mendapat hasil daripada proses penghasilan data kelak.

3.1 METODOLOGI KAJIAN

3.1.1 Teori Regresi Berbilang

Secara umumnya, teori regresi boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu regresi mudah dan regresi berbilang. Regresi mudah mempunyai hanya tidak lebih dari dua pemboleh ubah tidak bersandar sahaja, manakala regresi berbilang mempunyai lebih daripada dua pemboleh ubah tidak bersandar. Regresi mudah digunakan hanya untuk mengkaji dua pemboleh ubah tidak bersandar kepada pemboleh ubah bersandar sama ada mempunyai hubungan atau tidak dengan pemboleh ubah bersandar. Manakala, regresi berbilang digunakan untuk menganalisis lebih daripada dua pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah tidak bersandar manakah yang mempunyai hubungan yang kuat dengan pemboleh ubah bersandar.

Dalam kajian ini, kaedah regresi berbilang digunakan untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu sebagai pemboleh ubah bersandar dimana pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada peringkat umur penduduk, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan cukai pendapatan yang dikenakan kepada penduduk.

3.1.2 Kaedah Regrasi Berbilang

Dalam bahagian metodologi ini, bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan per-kapita bagi negeri Terengganu Darul Iman. Pemboleh ubah tidak bersandar yang pertama, iaitu polisi kerajaan yang mengenakan kadar cukai persendirian kepada penduduk iaitu jika berlaku perubahan terhadap kadar cukai yang dikenakan adakah akan mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Manakala bagi pemboleh ubah kedua pula iaitu, berkenaan dengan tahap pendidikan yang diterima oleh penduduk negeri dipecahkan kepada beberapa peringkat iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peringkat Diploma/Sijil dan peringkat Ijazah keatas. Pembolehubah ketiga menerangkan tentang peringkat umur penduduk yang dapat mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita di mana dalam kajian ini peringkat umur antara 25-60 tahun telah dipilih. Pembolehubah terakhir, iaitu jumlah pendapatan yang diterima penduduk setiap bulan akan digunakan untuk mengkaji hubungannya dengan pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Kaedah ini dapat memudahkan kita untuk mengkaji secara terus hubungan di antara semua pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar iaitu dengan menggunakan 'ujian-F'. Sebaliknya, jika hendak mengkaji satu per satu hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan pemboleh ubahbersandar 'ujian- t akan digunakan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, saya akan menggunakan kedua-dua ujian iaitu ujian-F dan ujian-t untuk melihat hubungan di antara kedua-dua pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang telah dipilih. Kebanyakan data yang akan gunakan di dalam kajian ini, ialah data jenis primer di mana data ini merupakan data pertama sekali digunakan tanpa mengambil mana-mana data yang sudah sedia ada. Data jenis ini diperolehi setelah melalui beberapa proses, seperti soal selidik secara terus kepada responden dan setelah diuji dengan beberapa kaedah untuk menghasilkan data tersebut. Antara contoh data ini adalah, apakah tahap umur yang dikehendaki, jenis pekerjaan yang diceburi dan peringkat pendidikan yang diterima oleh penduduk negeri.

3.1.3 Bias (*Error*)

Dalam proses untuk mendapatkan data primer, kajian ini tidak terlepas daripada berlaku atau wujudnya bias. Misalnya jika semakin besar saiz sampel, maka semakin kecil atau semakin kurang bias yang akan berlaku. Sehubungan itu, terlalu banyak kesilapan yang berlaku sebelum membentuk kerja lapangan dan semasa membuat kerja lapangan yang menyebabkan proses kajian ini terdedah kepada bias. Umumnya, dalam melakukan *Open-ended Question* akan wujud beberapa bias antaranya maklumat yang responden berikan mungkin tidak tepat. Selain itu, penilaian yang diberikan mungkin terdapat bias strategik dan ini boleh mempengaruhi proses membuat keputusan. Hal ini kerana, mungkin kerana individu tidak bersedia untuk memberi keputusan atau pendapat terutamanya apabila berhadapan dengan soalan yang berbentuk fakta misalnya yang berkaitan dengan polisi kerajaan semasa iaitu kadar cukai pendapatan yang dikenakan semasa. Oleh itu, semasa proses soal selidik kelak pembanci mesti menjelaskan bagaimana keadaan perubahan semasa polisi kerajaan yang telah dilaksanakan pada masa kini dan apa-apa persoalan yang akan timbul apabila ditanya kepada responden.

3.1.4 Pembentukan Soal Selidik

Dalam kajian ini, soalan soal selidik telah dibahagikan kepada dua bahagian sahaja iaitu Bahagian A lebih menjurus kepada maklumat peribadi responden. Namun begitu, bahagian ini juga dimasukkan maklumat yang diperlukan dalam kaedah regresi iaitu kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini. Maklumat yang dimaksudkan ialah jumlah pendapatan penduduk setiap bulan dan cukai pendapatan yang wajib dibayar penduduk setiap tahun iaitu faktor-faktor yang berkemungkinan mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Seterusnya bahagian B dilaksanakan untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap elemen-elemen yang mungkin mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita. Dalam menyempurnakan kajian ini, responden wajib menjawab ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik ini.

3.1.5 Pesampelan

Dalam persampelan ini, masa dan waktu yang dipilih untuk menjalankan proses soal selidik adalah pada hujung minggu iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu. Hal ini kerana, pada masa dan hari ini merupakan hari cuti dan ramai orang akan tertumpu di Bandaraya Kuala Terengganu. Jumlah saiz responden yang dianggarkan adalah seramai 100 orang. Kaedah persampelan yang digunakan adalah '*Face-to face interviews*' dan '*Self-administrative*'. Kategori responden yang dipilih adalah individu yang sudah berkerjaya dan mempunyai taraf pendidikan yang berbeza. Pilihan ini dibuat berdasarkan pemilihan pembolehubah tidak bersandar yang hendak dikaji dalam kajian ini. Misalnya, jumlah pendapatan individu dan tahap pendidikan yang dimiliki oleh penduduk. Antara tumpuan kawasan kajian yang hendak dijalankan adalah di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu.

3.1.6 Model Kajian

Pendapatan per-kapita adalah merupakan salah satu daripada alat untuk mengukur tingkat kebajikan dan taraf hidup penduduk disesuatu kawasan atau lebih tepat sekali bagi sebuah negeri dan negara. Semakin tinggi pendapatan per-kapita penduduk di sesebuah negeri maka taraf hidup dan kebajikan yang mereka nikmati juga adalah baik. Oleh itu, secara imperikalnya dapat dijelaskan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi atau menyumbang kepada tingkat pendapat per-kapita penduduk di Kuala Terengganu dapat ditunjukkan menerusi model kajian dibawah:

3.1.6.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan pendapatan per-kapita :

$$\text{Pendapatan per-kapita} = \beta_0 + \beta_2 \text{Umur} + \beta_3 \text{Pendidikan} + \beta_4 \text{Pendapatan} + \beta_5 \text{Cukai} + \varepsilon$$

- i. Umur : Peringkat umur rakyat Kuala Terengganu
- ii. Pendidikan : Tahap pendidikan yang diterima oleh penduduk sama ada di peringkat tinggi dan rendah.
- iii. Pendapatan : Jumlah pendapatan kasar bulanan penduduk Kuala Terengganu.
- iv. Cukai : Kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada penduduk.

3.1.7 Analisis Kajian

Alat analisis yang digunakan bagi setiap bahagian dalam kajian adalah berbeza bergantung kepada kesesuaian. Misalnya pada bahagian A, pengkaji memilih kaedah penyelidikan deskriptif seperti gambarajah, graf, nilai maksimum dan nilai minimum. Contohnya dalam menganalisis umur responden kaedah graf akan digunakan. Manakala dalam bahagian ini juga, *ujian pillo*t diperlukan iaitu dengan memasukkan semua maklumat yang diperlukan ke dalam perisian yang bersesuaian untuk menganalisis dan mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Cara analisis bahagian B juga menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif iaitu skala berangka dengan menggunakan 5 point iaitu terdiri daripada amat tidak bersetuju, tidak bersetuju, kurang bersetuju, bersetuju dan sangat bersetuju.

3.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kaedah regrasi berbilang ini digunakan untuk mengenalpasti dan mengkaji hubungan diantara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar yang berkemungkinan berhubungan diantara satu sama lain yang akan digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini iaitu hendak mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu, pembolehubah tidak bersandar yang digunakan terdiri daripada umur penduduk, tahap pendidikan, jumlah pendapatan sebulan dan cukai pendapatan yang dikenakan. Manakala pembolehubah bersandar pula ialah tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Sementara itu, diantara keempat-empat pemboleh ubah tidak bersandar yang telah dinyatakan diatas. Kajian ini mengkaji pemboleh ubah manakah yang mempunyai hubungan yang kuat dalam menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Oleh itu, hasil daripada kajian ini boleh digunakan untuk membantu meningkatkan pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu berdasarkan indikator yang telah digunaka dalam kajian ini. Misalnya polisi kerajaan secara teorinya, untuk meningkatkan pendapatan pendapatan per- kapita. Kerajaan perlu menurunkan kadar cukai pendapatan individu yang dikenakan, apabila cukai pendapatan individu diturunkan maka pendapatan boleh guna individu akan meningkat dan seterusnya akan memberi kesan kepada tingkat pendapatan per-kapita penduduk dimana pendapatan akan meningkat.

BAB 4

ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN


Pada bahagian bab 4 ini, lebih memfokuskan mengenai analisis dan keputusan daripada hasil kajian yang telah dijalankan. Antara analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis diskriptif yang melibatkan pengaplikasian pelbagai jenis graf dan carta. Misalnya, penggunaan graf bar dan carta pai. Selain daripada itu, kajian ini juga menggunakan analisis atau kaedah yang paling penting untuk melihat hubungan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar iaitu analisis regresi. Seterusnya, setelah data-data diperolehi dan ditukar ke dalam bentuk graf atau rajah. Proses penghuraian data daripada graf dan carta pai tadi dijalankan untuk mendapat rumusan secara menyeluruh tentang kajian ini.

4.1 ANALISIS DESKRIPTIF

Objektif analisis ini adalah untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh mengenai sesuatu kajian yang dijalankan. Data-data yang diperlukan untuk menjalankan analisis ini diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diberikan dan dijawab oleh responden. Borang soal selidik adalah merupakan satu borang terkandung didalamnya set soalan yang ditujukan kepada responden samada secara temu bual ataupun responden menjawab sendiri. Sehubungan dengan itu, borang soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian yang utama iaitu bahagian latar belakang responden dan bahagian kajian faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

4.2 KAJIAN LATAR BELAKANG RESPONDEN

4.2.1 Jantina Responden



Rajah 4.2.1 : Jantina Responden

Carta pai diatas menunjukkan seramai seratus orang responden daripada jumlah penduduk di Kuala Terengganu yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan carta diatas, sebanyak 35.48 % terdiri daripada kaum lelaki manakala kaum wanita mencatatkan sebanyak 64.52 %. Keadaan ini menunjukkan bahawa, kaum wanita mencatatkan jumlah yang paling tinggi terlibat dalam kajian ini berbanding kaum lelaki.

4.2.2 Struktur Umur Penduduk


Jadual Taburan Umur Responden

Umur	Jumlah	Peratus
20	1	1.1
21	1	1.1
23	2	2.2
24	2	2.2
25	6	6.5
26	6	6.5
27	6	6.5
28	4	4.3
29	7	7.5
30	4	4.3
31	3	3.2
32	2	2.2
33	2	2.2
34	4	4.3
35	6	6.5
36	1	1.1
37	3	3.2
38	3	3.2
39	3	3.2
40	2	2.2
41	2	2.2
42	5	5.4
43	2	2.2
44	1	1.1
45	2	2.2
46	2	2.2
47	1	1.1
48	1	1.1
49	2	2.2
50	2	2.2
52	1	1.1
54	2	2.2
55	2	2.2
Jumlah	93	100.0

Jadual 4.2.2 : Umur Responden

Jadual 4.2.2 diatas menunjukkan umur responden yang diambil secara rawak di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. Data kajian dikumpul dengan pengedaran sebanyak 100 borang soal selidik. Berdasarkan jadual diatas, sebanyak 7.5 % atau 7 orang responden terdiri daripada yang berumur 29 tahun dan merupakan yang paling tinggi terlibat dalam kajian ini. Manakala yang kedua tertinggi iaitu berumur 25, 26, 27 dan 35 tahun yang mencatat sebanyak 6.5 % atau 6 orang responden. Sementara itu, umur responden yang mencatat paling rendah terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah 20, 21, 36, 44, 47, 48 dan 52 tahun. Kumpulan umur ini mencatat sebanyak 1.1 % atau 1 orang responden daripada 100 orang responden yang telah ditetapkan.


4.2.3 Jumlah Pembayaran Cukai Pendapatan Responden



Rajah 4.2.3 : Jumlah Pembayaran Cukai Pendapatan Responden

Rajah 4.2.3 diatas menunjukkan, jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh setiap seorang responden dalam tempoh masa setahun. Berdasarkan graf diatas didapati, bahawa dalam seramai seratus orang responden yang terlibat sebanyak 51 orang responden tidak dikenakan atau dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan. Manakala seramai 17 orang responden telah membayar cukai pendapatan antara Rm 25 – Rm 100 dan merupakan bilangan responden yang paling tinggi membayar cukai dalam jumlah ini. Sementara itu, kedua tertinggi jumlah pembayaran cukai pendapatan adalah antara Rm 100 – Rm 200 iaitu mencatat seramai 15 orang responden yang membayarnya. Akhir sekali, seramai 10 orang respoden telah membuat pembayaran cukai pendapatan sebanyak Rm 200 keatas.


4.2.4 Tahap Pendidikan Responden



Rajah 4.2.4 : Tahap Pendidikan Responden

Carta pai diatas menunjukkan tahap pendidikan bagi penduduk di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu yang dipilih secara rawak seramai 100 orang responden. Berdasarkan carta pai diatas, tahap pendidikan penduduk dibahagikan kepada empat iaitu tahap PMR/SRP ke bawah, SPM, STPM/Diploma/Sijil Kemahiran dan Ijazah keatas. Peringkat SPM memperlihatkan peratus yang paling tinggi iaitu mencatat sebanyak 38.71% dan ini jejas menunjukkan bahawa berdasarkan kajian ini rata-rata responden yang telah dipilih mempunyai tahap pendidikan pada peringkat SPM. Manakala tahap pendidikan yang mencatat peratus paling rendah adalah PMR dan SRP ke bawah iaitu sebanyak 1.08 %. Sehubungan dengan itu, pada tahap pendidikan peringkat STPM/Diploma/Sijil Kemahiran dan Ijazah keatas masing-masing mencatat sebanyak 32.26 % dan 27.76 %.

4.2.5 Jumlah Pendapatan Responden



Rajah 4.2.5 : Jumlah Pendapatan Responden

Carta 4.2.5 diatas menggambarkan jumlah pendapatan setiap seorang responden di kawasan kajian iaitu di Kuala Terengganu. Berdasarkan carta diatas, responden yang mempunyai pendapatan antara RM 2000 – RM 3000 memcatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu seramai 72 orang. Sebaliknya responden yang mempunyai pendapatan antara RM 4000 – RM 5000 mencatatkan bilangan responden yang paling rendah iaitu sebanyak 2 orang responden sahaja. Manakala seramai 15 orang responden mempunyai pendapatan antara RM 3000 – RM 4000 dan 4 orang responden memiliki pendapatan RM 5000 keatas.

4.2.6 Tahap Kesedaran Responden Terhadap Faktor Yang Menyumbang Terhadap Tingkat Pendapatan Per-kapita.

Jadual 4.2.6.1: Umur Mempengaruhi Jumlah Pendapatan

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	8	8.6
Setuju	31	33.3
Tidak Pasti	19	20.4
Tidak Setuju	33	35.5
Sangat Tidak Setuju	2	2.2
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.2: Pendidikan Yang Tinggi Menjamin Pendapatan Yang Baik

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	20	21.5
Setuju	43	46.2
Tidak Pasti	4	4.3
Tidak Setuju	22	23.7
Sangat Tidak Setuju	4	4.3
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.3: Golongan Berumur Mempunyai Pendapatan Yang Tinggi

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	4	4.3
Setuju	20	21.5
Tidak Pasti	19	20.4
Tidak Setuju	47	50.5
Sangat Tidak Setuju	3	3.2
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.4: Golongan Muda Tidak Mempunyai Pendapatan Yang Tinggi

Perkara	Bilangan	Peratus
Setuju	11	11.8
Tidak Pasti	17	18.3
Tidak Setuju	60	64.5
Sangat Tidak Setuju	5	5.4
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.5: Pendidikan Rendah Mendapat Pendapatan Yang Rendah

Bilangan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	7	7.5
Setuju	27	29.0
Tidak Pasti	11	11.8
Tidak Setuju	44	47.3
Sangat Tidak Setuju	4	4.3
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.6: Bantuan Kerajaan Dapat Meningkatkan Pendapatan Penduduk

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	13	14.0
Setuju	55	59.1
Tidak Pasti	7	7.5
Tidak Setuju	17	18.3
Sangat Tidak Setuju	1	1.1
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.7: Semakin Tinggi Pendapatan Maka Semakin Tinggi Taraf Hidup

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	25	26.9
Setuju	54	58.1
Tidak Pasti	4	4.3
Tidak Setuju	9	9.7
Sangat Tidak Setuju	1	1.1
Total	93	100.0

Jadual 4.2.6.8: Pengurangan Cukai Pendapatan Meningkatkan Pendapatan Individu

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	24	25.8
Setuju	52	55.9
Tidak Pasti	10	10.8
Tidak Setuju	6	6.5
Sangat Tidak Setuju	1	1.1
Total	93	100.0

Jadual diatas memberi keterangan mengenai tahap kesedaran responden terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkat pendapatan per-kapita (boleh guna) mereka. Tahap kesedaran dibahagikan kepada lima kategori iaitu kategori 1 mewakili sangat setuju, kategori 2 mewakili setuju, kategori 3 mewakili tidak pasti, kategori 4 mewakili tidak bersetuju dan akhir sekali 5 mewakili kategori sangat tidak setuju.

Jadual 4.2.6.1 menunjukkan keputusan bagi persoalan ‘ adakah peringkat umur mempengaruhi jumlah pendapatan yang diperolehi? ’. Keputusannya, kebanyakan responden menyatakan ‘tidak bersetuju’ dengan pernyataan ini dan mencatat peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 35.5 % atau seramai 33 orang responden. Sebanyak 33.3 % menyatakan ‘setuju’ dan hanya 8.6 % menyatakan ‘sangat setuju’ dengan pernyataan ini. Manakala yang menyatakan ‘tidak pasti’ dan ‘sangat tidak setuju’ dengan pernyataan ini masing-masing mencatat sebanyak 20.4 % dan 2.2 %.

Sementara itu, jadual 4.2.6.2 memberi keputusan bagi keputusan ‘tahap pendidikan yang tinggi menjamin pendapatan yang baik’. Hasilnya, sebanyak 46.2 % menyatakan ‘setuju’ dan hanya 4.3 % menyatakan ‘sangat tidak setuju’ dengan pernyataan ini. Jumlah yang menyatakan ‘sangat setuju’ dan ‘tidak setuju’ adalah sebanyak 21.5% dan 23.7%. Manakala yang menyatakan ‘tidak pasti’ dan ‘sangat tidak bersetuju’ masing-masing mencatatkan peratus yang sama iaitu sebanyak 4.3%.

Jadual 4.2.6.3 pula menerangkan hasil yang diperolehi bagi persoalan ‘golongan berumur mempunyai pendapatan yang tinggi’. Keputusannya 50.5% menyatakan ‘tidak bersetuju’ dengan pernyataan ini dan hanya 21.5% menyatakan ‘setuju’. Lantaran itu, hanya 3.2% responden menyatakan ‘sangat tidak setuju’ dan hanya 4.3% menyatakan ‘sangat setuju’. Akhir sekali, hanya 20.4% menyatakan ‘tidak setuju’.

Jadual 4.2.6.4 mewakili keputusan persoalan ‘adakah golongan muda tidak mempunyai pendapatan yang tinggi?’. Sebanyak 64.5% menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini dan hanya 11.8% menyatakan ‘setuju’. Pernyataan ‘tidak pasti’ dan ‘sangat tidak setuju’ masing-masing mencatat sebanyak 18.3% dan 5.4% dengan persoalan ini.

Persoalan ‘benarkah tahap pendidikan yang rendah menyebabkan individu itu mendapat pendapatan yang rendah?’ diwakili oleh jadual 4.2.6.5. Sebanyak 47.3% menyatakan ‘tidak setuju’ dan hanya 29.0% menyatakan ‘setuju’ dengan persoalan ini. Pernyataan ‘tidak pasti’ dan ‘sangat setuju’ mencatat sebanyak 11.8% dan 7.5%. Seterusnya jawapan bagi ‘sangat tidak setuju’ mencatat sebanyak 4.3%. Jadual 4.2.6.6 pula mengutarakan persoalan ‘bantuan daripada kerajaan dapat meningkatkan pendapatan penduduk’. Sebanyak 59.1% menyatakan ‘setuju’ dengan persoalan ini dan hanya 1.1% menyatakan ‘sangat tidak setuju’ manakala 7.5% responden ‘tidak pasti’ dengan pernyataan ini. Pernyataan bagi ‘tidak setuju’ dan ‘sangat setuju’ oleh responden masing-masing mencatatkan 18.3% dan 14.0%.

Persoalan 'adakah semakin tinggi pendapatan, maka semakin tinggi taraf hidup?' ditunjukkan oleh jadual 4.2.6.7. Sebanyak 58.1% responden 'setuju' dan hanya 9.7% responden 'tidak setuju' dengan persoalan ini. Manakala sebanyak 26.9% responden menyatakan 'sangat setuju' dan hanya 1.1% responden menyatakan 'sangat tidak setuju'. Sementara itu, sebanyak 4.3% responden menyatakan 'tidak pasti' dengan pernyataan ini. Akhir sekali bagi jadual X8, menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada responden bagi persoalan 'tindakan kerajaan dalam mengurangkan cukai pendapatan dapat meningkatkan pendapatan semasa individu'. Sebanyak 55.9% responden menyatakan 'setuju' dengan pernyataan ini dan hanya 6.5% responden menyatakan 'tidak setuju'. Jawapan 'sangat setuju' dan 'sangat tidak setuju' responden masing-masing mencatatkan sebanyak 25.% dan 1.1%. Sehubungan dengan itu, sebanyak 10.8% responden menyatakan 'tidak pasti'

4.3 ANALISIS REGRASI

Dalam bab ini membincangkan keputusan yang diperolehi daripada analisis yang telah dijalankan. Sebelum ini, hanya rangka model dan jenis metodologi yang akan digunakan telah diterangkan bagi proses kajian ini. Keputusan yang diperolehi daripada kajian ini amat berguna untuk mengkaji samada andaian yang telah dibuat sebelum ini benar atau sebaliknya. Menerusi penggunaan perisian SPSS, semua data yang diperolehi akan di proses dan dikaji untuk mendapatkan keputusan. Oleh itu, segala keputusan yang diperolehi akan diterang dan dihuraikan mengikut pembolehubah – pembolehubah yang mempengaruhi pendapatan per-kapita (boleh guna) penduduk Kuala Terengganu.

Pengujian yang digunakan dalam kajian ini ialah pengujian t dan f. Pengujian t akan menerangkan satu-satu pembolehubah tidak bersandar kepada pembolehubah bersandar, samada kedua-dua pembolehubah itu mempengaruhi antara satu sama lain. Sebaliknya pengujian-F merupakan pengujian data secara berkumpulan iaitu digunakan untuk menguji tahap perhubungan antara pembolehubah bersandar iaitu pendapatan per-kapita (boleh guna) yang mempunyai hubungan atau tidak dengan salah satu pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu manakala pembolehubah bebas pula terdiri daripada umur, cukai pendapatan individu, tahap pendidikan dan pendapatan responden.

4.4 KEPUTUSAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENDAPATAN PER-KAPITA (BOLEH GUNA)

Jadual 4.4
Nilai Koefisyen, Signifikan Dan Taburan -T

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t		Sig.
		B	Std. Error	Beta	B	Std. Error	
1	(Constant)	912.483	240.849			3.789	.000
	PNDDKAN	129.888	38.948	.148		3.335	.001
	PNDPATAN	896.255	47.678	.889		18.798	.000
	CUKAI	-59.914	26.321	-.099		-2.276	.025
	UMUR	1.138	4.131	.014		.275	.784

Koefisyen :

$$\text{Guna} = 912.483 + 129.888 (\text{PNDDKAN}) + 896.255 (\text{PNDPATAN}) - 56.914 (\text{CUKAI}) + 1.138 (\text{UMUR})$$

(240.849)
(38.948)
(47.678)
(26.321)
(4.131)

4.4.1 Pengujian – T

Analisis nilai t statistik merupakan satu analisis atau kaedah untuk menguji kesignifikan hubungan antara pembolehubah bersandar (Y) dengan pembolehubah bebas (X₁). Keadaan ini merupakan satu sukatan variasi Y dan bukannya disebabkan oleh perubahan secara kebetulan sahaja. Oleh itu, syarat utama dalam analisis ini adalah sebarang nilai t pembolehubah bebas yang kurang dari nilai t jadual, maka parameter tersebut akan digugurkan.

Nilai t > Nilai t jadual

Nilai aras keyakinan (α) ialah sebanyak 0.05 dan statistik ujian ialah $t_{\alpha/2, n-k-1}$ akan digunakan dalam analisis ini, dimana n ialah bilangan cerapan dan k ialah bilangan factor pembolehubah bebas.

4.4.1.1 Pengujian Pembolehubah Pendidikan


$H_0 : \beta_{\text{penddikan}} = 0$

$H_1 : \beta_{\text{penddikan}} \neq 0$

Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, didapati bahawa nilai $t = 3.3335 > t_{0.025, 87} = 1.980$. Keputusan ini menunjukkan bahawa, H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pendidikan adalah signifikan secara statistik pada aras kertian 5 % . Kesimpulannya, pembolehubah pendidikan mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Rajah 4.4.1.1

Keputusan Pengujian – t Bagi Pembolehubah Pendidikan



4.4.1.2 Pengujian Pembolehubah Pendapatan


$$H_0 : \beta_{\text{pendapatan}} = 0$$

$$H_2 : \beta_{\text{pendapatan}} \neq 0$$

Berdasarkan keputusan yang diperolehi, didapati bahawa nilai $t = 18.798 > t_{0.025, 87} = 1.980$. Hasil daripada keputusan ini, didapati H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pendapatan adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5%. Rumusnya, pembolehubah pendapatan dapat mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Rajah 4.4.1.2

Keputusan Pengujian – t Bagi Pembolehubah Pendapatan



4.4.1.3 Pengujian Pembolahubah Cukai


$$H_0 : \beta_{\text{cukai}} = 0$$

$$H_3 : \beta_{\text{cukai}} \neq 0$$

Keputusan yang diperolehi, menunjukkan bahawa nilai $t = -2.276 > t_{0.025, 87} = -1.980$. Hal ini dapat diterangkan bahawa H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah tidak bersandar cukai ini adalah signifikan pada aras keertian 5%. Kesimpulannya, pembolehubah tidak bersandar ini dapat mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Rajah 4.4.1.3

Keputusan Pengujian – t Bagi Pembolahubah Cukai



4.4.1.4 Pengujian Pembolahubah Umur


$$H_0 : \beta_{umur} = 0$$

$$H_4 : \beta_{umur} \neq 0$$

Berdasarkan keputusan yang diperolehi, didapati nilai $t = 0.275 < 0.025, 87 = 1.980$. Keadaan menunjukkan bahawa H_0 tidak dapat ditolak dan tidak terdapat bukti – bukti yang menyatakan pembolahubah umur ini adalah signifikan pada aras keertian 5%. Kesimpulannya, pembolahubah ini tidak dapat mempengaruhi tingkat pendapatan perkapita penduduk Kuala Terengganu.

Rajah 4.3.1.4

Keputusan Pengujian – t Bagi Pembolahubah Umur



4.4.2 Pengujian - F

Jadual 4.4.3
Nilai Darjah Kebebasan, Residual, Pengujian – F Dan Signifikan

Model	R	R ²	Darjah Kebebasan (df)	Jumlah Kuasa Dua Residual	Ujian – F	Signifikan
1	0.917 ^a	0.841	92	0.834	116.528	.000(a)

Pengujian pada aras keertian 5%

4.4.2.1 Pengujian Model Keseluruhan :


H_0 : $\beta_{pnddkan} = 0$, $\beta_{pndpatan} = 0$, $\beta_{cukai} = 0$, $\beta_{umur} = 0$

H_1 : H_0 adalah tidak benar

Melalui kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa nilai $F = 116.528 > F_{0.05, 4, 87} = 2.45$ dan ini membolehkan H_0 dapat ditolak. Oleh itu, terdapat bukti yang kukuh menyatakan bahawa pembolehubah pendidikan, pendapatan, cukai, umur adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5% dan secara keseluruhannya boleh mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

Rajah 4.4.2.1

Keputusan Pengujian – F Bagi Keseluhan Pembolehubah



Secara keseluruhannya, didapati model regresi faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu adalah signifikan pada aras $\alpha = 0.05$ dalam proses menentukan hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar yang telah dipilih dengan pembolehubah bersandar. Faktor-faktor seperti tahap pendidikan, tingkat pendapatan, jumlah cukai pendapatan dibayar dan peringkat umur menunjukkan 84.1 % hubungan terhadap tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu manakala selbihnya sebanyak 15.9% disebabkan oleh faktor-faktor lain.

4.5 KESIMPULAN

Secara amnya, dapatan kajian ini memberi bukti secara empirikal bahawa faktor-faktor seperti tahap pendidikan, tingkat pendapatan, jumlah cukai dan peringkat umur boleh mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Hal ini kerana, semua persoalan itu dapat dibuktikan dengan menggunakan pendekatan kaedah ekonometrik dimana semua maklumat yang diperlukan diperolehi daripada proses soal selidik yang telah dijalankan. Selain itu kedua-dua alat pengujian iaitu pengujian t dan f telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengukuhkan lagi bukti hubungan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Oleh itu, diharapkan supaya faktor-faktor yang telah dikaji dalam kajian ini diberi perhatian oleh pihak yang berwajib untuk meningkatkan lagi pendapatan per-kapita (boleh guna) penduduk Kuala Terengganu pada masa hadapan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Seterusnya selepas melalui proses analisis data dan keputusan daripada proses tersebut diperolehi. Bab ini akan membincangkan rumusan keseluruhan kajian dan cadangan yang relevan kepada usaha untuk meningkatkan pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu pada masa hadapan. Semua cadangan yang dibuat berdasarkan kepada data-data yang diperolehi dan keadaan ekonomi semasa bagi meningkatkan lagi pendapatan per-kapita dan seterusnya taraf hidup penduduk di Kuala Terengganu. Pihak-pihak yang berwajib dan bertanggungjawab seperti Terengganu Development Management (TDM) dan Kerajaan Negeri Terengganu boleh menggunakan maklumat ini bagi meningkatkan pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, didapati bahawa faktor-faktor yang diketengahkan dalam menganalisis hubungannya dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu iaitu peringkat umur, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan cukai pendapatan individu yang dikenakan secara kasarnya menunjukkan reaksi yang positif antara satu sama lain.

Misalnya, jika dilihat dari segi tahap pendidikan penduduk Kuala Terengganu yang mempunyai latar belakang pendidikan yang pelbagai menunjukkan hubungan yang kuat terhadap tingkat pendapatan per-kapita kawasan tersebut. Hal ini dapat dibuktikan setelah menjalani proses regrasi berbilang yang telah memberi hasil yang positif dimana mempunyai signifikan sebanyak 0.001% pada aras keertian 5%. Penduduk Kuala Terengganu yang secara puratanya mempunyai jarak tahap pendidikan yang hampir sama iaitu dalam lingkungan 30% yang terdiri daripada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Ijazah keatas. Oleh itu, hasil dari kajian memperlihatkan semakin tinggi tahap pendidikan seseorang individu itu maka semakin tinggi pendapatan per-kapita yang diperolehi.

Keadaan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh A. Jamison, Deab T. Jamison dan Eric A. Hanushek (2007), dimana pengkaji menggunakan faktor pendidikan untuk mengkaji kesan jumlah purata golongan dewasa yang berpendidikan keatas tingkat purata pendapatan per-kapita dalam negara. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan mekanisma kualiti pendidikan sebagai alat untuk memperbaiki tingkat pendapatan per-kapita sesebuah negara dan menunjukkan bahawa kesan kualiti pendidikan ini telah menyebabkan ekonomi semakin terbuka.

Sehubungan dengan itu, pembolehubah tidak bersandar yang kedua iaitu tingkat pendapatan individu juga menunjukkan tindak balas yang positif terhadap tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Secara puratanya, penduduk di Kuala Terengganu mempunyai pendapatan sebulan dalam lingkungan RM 2000 hingga RM3000 seorang. Pembolehubah ini mempunyai nilai signifikan sebanyak 0.000% pada aras keertian 5% setelah menjalani proses regrasi berbilang. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada hasil proses tersebut menunjukkan seseorang yang mempunyai tahap pendapatan yang tinggi akan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memperolehi pendapatan per-kapita yang tinggi.

Pembolehubah tidak bersandar ketiga pula, ialah jumlah cukai yang dikenakan atau dibayar oleh penduduk Kuala Terengganu berdasarkan kaedah-kaedah pembayar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Keputusan yang diperolehi melalui analisis deskriptif dengan menggunakan rajah (Rajah 4.2.3) menunjukkan sebanyak 54.8% orang penduduk tidak dikenakan cukai atas syarat-syarat tertentu. Tetapi setelah menjalankan proses regrasi berbilang, mendapati bahawa kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan mempunyai hubungan negatif dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu. Pembolehubah tidak bersandar ini mempunyai nilai signifikan sebanyak 0.025% pada aras keertian yang ditetapkan sebanyak 5%. Oleh itu, semakin tinggi kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada penduduk maka semakin kurang pendapatan per-kapita yang akan diperolehi.

Seterusnya bagi pembolehubah tidak bersandar bagi tingkat umur penduduk Kuala Terengganu, memberi gambaran awal bahawa secara empirikalnya tidak ada hubungan dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk. Situasi ini dapat dibuktikan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah regrasi berbilang dimana setelah dijalankan proses tersebut, pembolehubah tidak bersandar umur ini mempunyai nilai signifikan yang tinggi daripada aras keertian yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 0.784%.

Kajian yang dilakukan keatas pendapatan per-kapita ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pendapatan per-kapita oleh penduduk di Kuala Terengganu. Antara faktor-faktor yang digunakan dalam kajian ini adalah peringkat umur, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan cukai yang dapat mempengaruhi pendapatan per-kapita. Keempat-empat pembolehubah tidak bersandar ini dianalisis dan diuji dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) menerusi pendekatan regresi mudah. Selepas itu, pengujian t, F dan R^2 dijalankan untuk melihat hubungkait antara pembolehubah-pembolehubah yang telah dipilih. Setelah ketiga-tiga pengujian itu dijalankan, didapati melalui pengujian t dan F menunjukkan bahawa keseluruhan pembolehubah yang dikaji adalah signifikan secara statistik kepada tingkat pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu pada aras keertian 0.05 peratus.

Sebaliknya, bagi pembolehubah tidak bersandar umur menunjukkan hubungan yang negatif dengan tingkat pendapatan per-kapita penduduk yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun begitu, hasil daripada kajian ini bertentangan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sang-Hyop Lee dan Andrew Mason (2007) dimana hasil kajian didapati peringkat umur mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk di negara Taiwan. Sehubungan dengan itu model kajian ini juga, memberikan nilai R^2 yang tinggi iaitu sebanyak 0.841 yang menunjukkan bahawa model kajian ini adalah baik dimana sebanyak 84.1 peratus pembolehubah tidak bersandar yang dapat menjelaskan hubungan dengan pembolehubah bersandar iaitu tingkat pendapatan per-kapita penduduk Kuala Terengganu.

5.2 CADANGAN-CADANGAN KE ATAS KAJIAN

5.2.1 Kepelbagaian Kemahiran Dan Pendidikan

Menerusi analisis ini, pembolehubah tidak bersandar pendidikan digunakan untuk menguji hubungannya dengan pembolehubah bersandar pendapatan per-kapita. Hasilnya mendapati, pendidikan mempunyai hubungan yang kuat dengan tingkat pendapatan penduduk. Oleh itu, antara cadangan yang dapat digarapkan disini adalah dengan mempelbagaikan ilmu pengetahuan menerusi penyediaan kemudahan pendidikan yang berkesan. Kebanyakan penduduk di Kuala Terengganu mempunyai latar belakang pendidikan yang sama iaitu yang berkelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Diploma dan Ijazah ke atas.

Masalahnya, sistem pendidikan di Malaysia menggunakan kaedah berperingkat dimana seseorang itu perlu melepasi satu peringkat untuk ke peringkat seterusnya. Misalnya, seseorang itu perlu lulus PMR untuk menghadapi SPM pula. Seseorang yang tidak lulus dalam mana-mana peringkat ini, perlu memastikan dia lulus untuk keperingkat seterusnya. Hal ini kerana, seseorang itu mempunyai keupayaannya yang tersendiri.

Oleh itu, kerajaan menerusi Jabatan Pelajaran Negeri perlu mewujudkan pelbagai jenis sijil-sijil kemahiran yang dapat memberi peluang kepada rakyat untuk menimba ilmu pengetahuan lain selain daripada yang dinyatakan diatas. Melalui cara ini, rakyat dapat menjana pendapatan mereka sendiri dengan adanya kemahiran yang telah mereka pelajari seperti keusawanan, pertukangan, perniagaan dan pertanian.

5.2.2 Pembangunan IKS Dan Keusahawanan

Sektor IKS yang sedia ada dan baharu perlu diwujudkan di seluruh negeri amnya dan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu khasnya dengan kerjasama penuh daripada Kerajaan Negeri dan sektor swasta. IKS yang dikenali sebagai Industri Kecil Dan Sederhana merupakan satu sektor yang mampu menjana pendapatan masyarakat, negeri dan seterusnya negara pada jangka masa pendek dan panjang. Selain dari itu, kewujudan sektor ini juga dilihat mempunyai keupayaan untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran di Terengganu terumanya kepada pelepasan IPTA dan IPTS dan termasuk mereka yang mempunyai sijil kemahiran.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri boleh mengadakan perbincangan dengan pihak swasta seperti PETRONAS untuk membangunkan IKS yang berasaskan industri petrokimia. Hal ini kerana, negeri Terengganu yang mempunyai sumber minyak mentah sendiri serta kawasan perindustrian khas yang untuk memproses minyak mentah tersebut. Peluang ini boleh diambil untuk mewujudkan satu industri baharu yang berasaskan petrokimia.

Sementara itu juga, sesuatu industri lama akan pupus jika tidak ada usaha-usaha untuk menyelamatkannya. Misalnya industri kraf tangan yang berasaskan warisan dan tradisi seperti membuat songket, batik, bot dan ukiran tembaga serta kayu. Oleh yang demikian, dibawah kuasa Kerajaan Negeri dengan menubuhkan satu pusat latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran rakyat dalam seni membuat kraf tersebut samada yang lama atau baru hendak menceburkan diri dalam bidang ini. Hal ini kerana, usaha sebegini sangat diperlukan untuk mengelakkan daripada berlakunya pengangguran setelah industri ini terkubur dan diharapkan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dapat menyelamatkan pekerjaan yang ada dan seterusnya dapat menjana peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Kesanya apabila terdapatnya peluang pekerjaan yang banyak di negeri Terengganu dan kadar pengangguran dapat dikurangkan seterusnya dapat menjana pendapatan rakyat dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan per-kapita penduduk

5.2.3 Pembangunan Bandar Dan Pusat Pertumbuhan

Seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi Kuala Terengganu sebagai model Bandar sempurna dari segi kemudahan dan infrastruktur merupakan satu tindakan yang amat baik untuk memastikan taraf hidup rakyat sentiasa terjamin. Pembangunan baharu dan pembangunan semula kawasan atau tempat yang berpotensi untuk menjana pendapatan penduduk amat diperlukan untuk memberi kemudahan kepada penduduk menjalankan kegiatan perniagaan mereka.

Penyediaan tempat seumpama ini akan mendorong peniaga-peniaga baharu untuk menceburkan diri mereka dalam alam perniagaan dengan lebih berkesan selain daripada peniaga lama, misalnya projek yang telah dijalankan seperti penaiktaraf dan pengubahsuaian Pasar Payang serta pembinaan bangunan baru yang berdekatan. Ternyata kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan (PBT) sangatlah diperlukan untuk merangka dan melaksanakan pembangunan di Kuala Terengganu supaya memiliki kemudahan prasarana yang sempurna dan mencukupi. Hal ini kerana, dengan tersedianya kemudahan yang diperlukan oleh penduduk secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi peningkatan pendapatan dan seterusnya pendapatan per-kapita penduduk turut akan meningkat.

5.3 PENUTUP

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan sebelum ini, pendapatan per-kapita merupakan satu indikator terpenting untuk melihat kebajikan dan taraf hidup sesebuah masyarakat di sesuatu kawasan. Melalui kajian ini lebih fokus kepada penduduk di Kuala Terengganu dimana untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan penduduk kawasan tersebut. Terdapat banyak persoalan-persoalan yang sebelum ini dianggap benar sebaliknya tidak benar dibuktikan menerusi kajian ini. Misalnya, bagi penyelidik Sang-Hyop Lee dan Andrew Mason (2007) dalam kajian yang telah dijalankan menyatakan perubahan dalam populasi struktur umur akan mempengaruhi jumlah pendapatan seseorang. Sebenarnya pernyataan tersebut tidak benar kerana berdasarkan keputusan kajian yang telah dijalankan menunjukkan golongan muda mempunyai pendapatan yang sama dengan golongan berumur yang masih berkerja.

Kuala Terengganu yang semakin pesat membangun sebagai sebuah Bandaraya yang telah diistiharkan pada 1 Januari 2008 yang lalu telah menjadi injin yang berperanan penting dalam mencorak dan mengerak pembangunan ekonomi dan sosial rakyat di Kuala Terengganu khasnya dan seluruh negeri Terengganu amnya. Tambahan lagi, Kuala Terengganu merupakan ibu negeri bagi negeri Terengganu boleh dijadikan pemangkin bagi melebarkan lagi kenikmatan dari segi ekonomi ke bahagian-bahagian lain di dalam negeri supaya semua rakyat dapat menikmati kemanisan nikmat tersebut. Situasi ini secara tidak langsung dapat menjana pendapatan penduduk Kuala Terengganu khasnya dan seluruh negeri amnya dan apabila pendapat penduduk meningkat maka pendapatan per-kapita penduduk juga akan meningkat.

Keadaan ini, sejajar dengan teras Wawasan negeri Terengganu Darul Iman untuk menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang maju menjelang 2020 iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan penghayatan nilai-nilai syumul Islam dan peningkatan taraf dan mutu hidup bagi setiap lapisan masyarakat. Antara yang ingin dicapai didalam matlamat wawasan tersebut adalah 'memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat', menjana pendapatan rakyat terutama yang berpendapatan yang rendah dan terendah' dan mengurangkan

ketidakseimbangan tahap sosioekonomi diantara kawasan'. Selain dari itu juga, teras pembangunan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) juga menekankan usaha untuk menjana pendapatan rakyat kepada yang lebih baik.

Berdasarkan penjelasan diatas, jelas menunjukkan bahawa kerajaan negeri amat menitik beratkan usaha-usaha untuk meningkatkan jumlah pendapatan penduduk seluruh negeri. Oleh yang demikian, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan negeri untuk menaikkan taraf hidup rakyat melalui tingkat pendapatan penduduk negeri terutamanya dalam pendapatan per-kapita. Misalnya tahap pendidikan penduduk amat berkait rapat dengan tingkat pendapatan perkapita penduduk, dimana jika tahap pendidikan seseorang itu tinggi maka tahap pendapatan yang individu tersebut akan turut tinggi pada masa hadapan. Sesungguhnya, kerajaan negeri boleh mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan tahap pendidikan penduduk seluruh negeri kerana secara tidak langsung tindakan ini dapat meningkatkan lagi pertumbuhan pendapatan per-kapita penduduk.

Rumusan yang dapat dihuraikan menerusi kajian ini, pendapatan per-kapita merupakan satu indikator yang penting untuk melihat taraf hidup masyarakat disesuatu kawasan atau wilayah itu. Teori ekonomi ada menyatakan bahawa semakin tinggi pendapatan per-kapita penduduk maka semakin tinggilah taraf hidup dan kebajikan yang dinikmati oleh penduduk tersebut. Gerakan secara konsesten perlu dilaksanakan oleh pihak yang berwajib seperti kerajaan negeri dan tempatan untuk menambahbaikkan lagi tingkat pendapatan penduduk.

RUJUKAN

Sang – Hyop Lee dan Andrew Mason (2007). *Who gains from demographic dividend? Forecasting income by age*. Pages 603-619.

Eliot A. Jamison^a, Dean T. Jamison^{b,c}, Eric A. Hanushek^{d,e,*} (2007). *The effects of education quality on income growth and mortality decline*. Pages 772-789.

Caroline Freund^{a,*}, Bineswaree Bolaky^b (2007). *Trade, regulations and income*.

Philip Epstein, Peter Howlett dan Max-Stephan Schulze (2007). *Trade, convergence and globalization: The dynamics of the international income distribution, 1950-1998*. Pages 100-113.

Ke Tom Xu (2006). *State-level variation in income-related inequality in health and health achievement in the US*. Pages 475-464.

Syed A. Basher, Nils-Petter Lagerlof (2007). *Per-capita income gaps across US state and Canadian provinces*.

Paresh Kumar Narayan (2007). *Are G7 per-capita real GDP levels non-stationary, 1870-2001*. Pages 374-379.

Douglas O. Walker (2007). *Patterns of income distribution among world regions*. Pages 643-655.

Laman web Kerajaan Negeri Terengganu.

Laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Perbentangan Bajet Negeri Terengganu (2008)

Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) 2004-2008

LAMPIRAN 1: Output Regresi Faktor Mempengaruhi Pendapatan Per-Perkapita.

Variables Entered/Removed(b)

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	UMUR, CUKAI, PNDDKAN, PNDPATAN (a)		Enter

a All requested variables entered.

b Dependent Variable: GUNA

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.917(a)	.841	.834	298.747

a Predictors: (Constant), UMUR, CUKAI, PNDDKAN, PNDPATAN

ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	41600480.517	4	10400120.129	116.528	.000(a)
	Residual	7853978.602	88	89249.757		
	Total	49454459.118	92			

a Predictors: (Constant), UMUR, CUKAI, PNDDKAN, PNDPATAN

b Dependent Variable: GUNA

Coefficients(a)


Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta	B	Std. Error
1	(Constant)	912.483	240.849		3.789	.000
	PNDDKAN	129.888	38.948	.148	3.335	.001
	PNDPATAN	896.255	47.678	.889	18.798	.000
	CUKAI	-59.914	26.321	-.099	-2.276	.025
	UMUR	1.138	4.131	.014	.275	.784

a Dependent Variable: GUNA

LAMPIRAN 2: Contoh Borang Soal Selidik.

KOD RESPONDEN :

--	--	--	--



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**KAJIAN : ANALISIS FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAT
PENDAPATAN PER-KAPITA (BOLEH GUNA) PENDUDUK KUALA
TERENGGANU.**

Tuan / Puan,

Saya Saifuzzaim B. Baharum merupakan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) daripada Universiti Malaysia Terengganu sedang menjalankan kajian tentang faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan per-kapita penduduk di Kuala Terengganu. Oleh itu, kerjasama tuan/puan untuk meluangkan masa dalam 15 minit adalah amat dihargai bagi menjawab soalan yang ditujukan bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan. Segala maklumat yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam soal-selidik ini adalah SULIT dan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak tuan/puan kerana memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian yang sedang dijalankan ini.

A. Latar Belakang Responden

1. Jantina :
 Lelaki Perempuan

2. Umur : tahun

3. Bangsa :
 Melayu
 Cina
 India
 Lain-lain (nyatakan :)

4. Agama :
 Islam
 Buddha
 Hindu
 Kristian
 Lain-lain (nyatakan :)

5. Tahap pendidikan :
 Tidak bersekolah
 PMR / SRP dan ke bawah
 SPM
 STPM / Diploma / sijil kemahiran
 Ijazah dan ke atas

6. Status perkahwinan:
 Bujang
 Berkahwin
 Duda / janda

7. Bilangan ahli isi rumah : orang

8. Jenis pekerjaan :
 Kakitangan awam
 Pekerja swasta
 Bekerja sendiri
 Lain-lain pekerjaan. (nyatakan :)

9. Jumlah pendapatan kasar sebulan :

- () Rm 2000 – Rm 3000
- () Rm 3000 – Rm 4000
- () Rm 4000 – Rm 5000
- () Rm 5000 keatas

10. Jumlah cukai pendapatan dibayar setahun :

- () Rm 25 – Rm 100
- () Rm 100 – Rm 200
- () Rm 200 keatas
- () Tidak dikenakan

B. Faktor – Faktor Yang Menyumbang Pendapatan Per-Kapita Penduduk

Bahagian ini membincangkan apakah faktor yang menyumbang terhadap tingkat pendapatan boleh guna penduduk berdasarkan beberapa elemen yang telah dipilih.

	Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju
1. Adakah peringkat umur mempengaruhi jumlah pendapatan yang diperolehi?	1	2	3	4	5
2. Tahap pendidikan yang tinggi menjamin pendapatan yang baik.	1	2	3	4	5

	Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
3. Golongan berumur mempunyai pendapatan yang tinggi.	1	2	3	4	5
4. Adakah golongan muda tidak mempunyai pendapatan yang tinggi ?	1	2	3	4	5
5. Benarkah tahap pendidikan yang rendah menyebabkan individu itu mendapat pendapatan yang rendah ?	1	2	3	4	5
6. Bantuan daripada kerajaan dapat meningkatkan pendapatan penduduk.	1	2	3	4	5
7. Adakah semakin tinggi pendapatan maka semakin tinggi taraf hidup?	1	2	3	4	5
8. Tindakan kerajaan dalam mengurangkan cukai pendapatan dapat meningkatkan pendapatan semasa inividu.	1	2	3	4	5

Sekian Terima Kasih Diatas Kerjasama Anda.....

ANALISIS FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAT PENDAPATAN PER-KAPITA PENDUDUK KUALA TERENGGANU - SAIFUZZAIM BIN BAHARUM